

**HUBUNGAN PROSES KREATIF
KETERLIBATAN DENGAN PEMASARAN
DALAM TALIAN: SATU KAJIAN NOVEL-
NOVEL POPULAR MELAYU**

MUHAMMAD NUR SAIFUL BIN GHAZALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**HUBUNGAN PROSES KREATIF
KETERLIBATAN DENGAN PEMASARAN
DALAM TALIAN: SATU KAJIAN NOVEL-
NOVEL POPULAR MELAYU**

oleh

MUHAMMAD NUR SAIFUL BIN GHAZALI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Mei 2020

PENGHARGAAN

Syukur dan segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Pemilik segala isi di langit dan di bumi.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Dato' Dr. Sohaimi Abdul Aziz, selaku Penyelia yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar. Sikapnya yang sabar dan sentiasa memberi tunjuk ajar telah banyak membantu dalam kejayaan menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya berikan kepada Profesor Madya Dr. Siti Hajar Che Man sebagai Pemeriksa Dalam yang telah menyemak pembaikan tesis ini bagi mematuhi saranan, pandangan dan cadangan seperti yang dikehendaki oleh sidang jemaah selepas proses viva.

Terima kasih diucapkan kepada Professor Dr. Narimah Samat, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Univeristi Sains Malaysia. Ucapan terima kasih juga saya tujukan buat Profesor Madya Dr. Jasni Sulong, Timbalan Dekan (Akademik, Kerjaya & Antarabangsa), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia dan Profesor Madya Dr. Goh Sang Seong Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi & Libatsama Industri-Komuniti), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Tidak dilupakan kepada semua barisan penarah Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, Profesor Dr. Jelani Harun, Allahyarhamah Profesor Madya Dr. Rahimah A. Hamid, Dr. Mohamad Luthfi Abdul Rahman, Dr. Halimah Mohamad Ali, Dr. Wan Hasmah Wan Teh, Dr. Saravanan P. Veeramuthu dan Dr. Rosnidar Ain kerana banyak memberi tunjuk ajar sepanjang perjalanan menuntut ilmu. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada staf pentadbiran dan teknikal PPIK, USM yang banyak menghulurkan bantuan sepanjang pengajian.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pengarang novel popular Melayu iaitu Rosliza Abu Bakar dan Wan Iman Wan Mohd Nazi kerana sudi memberikan maklumat dan butiran yang diperlukan sewaktu kajian dijalankan.

Penghargaan yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada Emak (Azizah binti Ahmad) dan Abah (Ghazali bin Man) yang sentiasa memberi sokongan untuk saya menceburi bidang yang penuh warna warni ini. Tidak saya lupakan penghargaan buat isteri (Siti Mariam binti Ismail) dan anakanda (Emir Muhammad bin Muhammad Nur Saiful) kerana saya telah mencuri ruang dan masa yang agak panjang bagi menyiapkan tesis ini.

Akhir kata, jutaan penghargaan saya ucapkan buat semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan kajian tesis ini. Semoga kajian tesis ini memberi manfaat kepada masyarakat dan mencetuskan kajian yang lebih subur.

Muhammad Nur Saiful Ghazali

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang,
15 Mei 2020

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI RAJAH.....	xiii
SENARAI JADUAL.....	xiv
SENARAI GAMBAR.....	xv
SENARAI CARTA.....	xvii
SENARAI KOMEN.....	xviii
SENARAI LAMPIRAN.....	xix
ABSTRAK.....	xx
ABSTRACT.....	xxi
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	3
1.3 Objektif Kajian.....	4
1.4 Kepentingan Kajian.....	4
1.5 Skop Kajian.....	6
1.5.1 Pemilihan Pengarang.....	6
1.5.2 Pemilihan Bahan Kajian.....	8
1.5.2 (a) <i>13 Jam A380</i> (2013).....	9
1.5.2 (b) <i>Untukmu Cinta</i> (2020).....	9
1.5.2 (c) <i>Hatimu Milikku</i> (2012).....	10
1.5.2 (d) <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i> (2012).....	11
1.5.3 Tempoh Bahan Kajian.....	12
1.6 Kajian Lepas.....	13
1.7 Kerangka Teori.....	24

1.7.1	Novel Budaya Popular.....	25
1.7.2	Proses Kreatif Konvensional Penulisan Novel Popular Melayu.....	25
1.7.3	Proses Kreatif Keterlibatan.....	27
1.7.3 (a)	Penumpuan Media.....	28
1.7.3 (b)	Budaya Keterlibatan.....	29
1.7.3 (c)	Kecerdasan Kolektif.....	31
1.7.4	Pemasaran.....	31
1.7.4.1	Konsep Pemasaran.....	32
1.7.4.1 (a)	Pasaran Sasaran.....	32
1.7.4.1 (b)	Kehendak Pelanggan.....	33
1.7.4.1 (c)	Pemasaran Bersepadu.....	33
1.7.4.1 (d)	Keuntungan.....	34
1.7.4.2	Proses Pembangunan Produk Baharu.....	34
1.7.4.2 (a)	Penjanaan Idea.....	35
1.7.4.2 (b)	Penapisan.....	36
1.7.4.2 (c)	Pengembangan Konsep dan Pengujian.....	36
1.7.4.2 (d)	Pengembangan Strategi Pemasaran.....	37
1.7.4.2 (e)	Analisis Perniagaan Susun Semula.....	38
1.7.4.2 (f)	Perkembangan Produk.....	38
1.7.4.2 (g)	Ujian Pemasaran.....	39
1.7.4.2 (h)	Komersial.....	39
1.8	Metodologi Kajian.....	39
1.8.1	Kaedah Kajian Kepustakaan.....	40
1.8.2	Kaedah Temu Bual.....	40
1.8.2 (a)	Bahagian A: Latar Belakang.....	41
1.8.2 (b)	Bahagian B: Proses Kreatif.....	41

1.8.3	Kaedah Carian Internet.....	42
1.9	Organisasi Tesis.....	42
BAB 2	HUBUNGAN PROSES PENULISAN KREATIF KETERLIBATAN DENGAN PEMASARAN DALAM TALIAN.....	44
2.1	Pengenalan.....	44
2.2	Proses Kreatif.....	45
2.3	Proses Kreatif Keterlibatan.....	47
2.3.1	Prinsip-Prinsip Proses Kreatif Keterlibatan.....	48
2.3.1 (a)	Penumpuan Media.....	48
2.3.1 (b)	Budaya Keterlibatan.....	50
2.3.1 (c)	Kecerdasan Kolektif.....	52
2.3.2	Peringkat-Peringkat Proses Kreatif Keterlibatan.....	53
2.3.2 (a)	Peringkat Persediaan.....	54
2.3.2 (b)	Peringkat Pengeraman.....	54
2.3.2 (c)	Peringkat Pencerahan.....	55
2.3.2 (d)	Peringkat Pengesahan.....	56
2.4	Pemasaran.....	58
2.5	Pemasaran Internet dalam Proses Kreatif Keterlibatan.....	59
2.5.1	Peringkat-Peringkat Proses Pembangunan Produk Baharu....	60
2.5.1 (a)	Peringkat Penjanaan Idea.....	61
2.5.1 (b)	Peringkat Penapisan.....	61
2.5.1 (c)	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pembangunan Konsep.....	62
2.5.1 (d)	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep.....	62
2.6	Kesimpulan.....	64

BAB 3	PROSES KREATIF PENULISAN NOVEL POPULAR MELAYU WAN IMAN WAN MOHD NAZI DAN ROSLIZA ABU BAKAR....	65
3.1	Pengenalan.....	65
3.2	Personaliti dan Kepengarangan Wan Iman Wan Mohd Nazi.....	66
3.3	Proses Kreatif Keterlibatan Novel <i>13 Jam A380</i>	67
3.3.1	Ilham Tiket Kapal Terbang.....	68
3.3.2	Budaya Keterlibatan dalam Proses Kreatif <i>13 Jam A380</i>	69
3.3.2 (a)	Interaksi dalam Proses Kreatif Novel <i>13 Jam A380</i>	70
3.3.2 (b)	Perkongsian Pembaca Sebagai Agen Penyebaran.....	72
3.3.3	Penumpuan Media dalam Novel <i>13 Jam A380</i>	73
3.3.4	Kecerdasan Kolektif dalam Proses Kreatif Keterlibatan Novel <i>13 Jam A380</i>	76
3.3.4 (a)	Daripada Sebuah Cerpen kepada Novel.....	78
3.3.4 (b)	Pembaca dan Pilihan Watak Utama Lelaki (Hero).....	81
3.3.4 (c)	Pembaca Sebagai Editor Awal Manuskrip.....	83
3.4	Proses Kreatif Keterlibatan Novel <i>Untukmu Cinta</i>	84
3.4.1	Isu Alam Sekitar, Hutan dan Herba Malaysia Sebagai Ilham <i>Untukmu Cinta</i>	85
3.4.2	Budaya Keterlibatan dalam Proses Kreatif Novel <i>Untukmu Cinta</i>	86
3.4.2 (a)	Interaksi dalam Proses Kreatif novel <i>Untukmu Cinta</i>	87
3.4.2 (b)	Butang Perkongsian Sebagai Agen Penyebaran.....	89
3.4.3	Penumpuan Media dalam Novel <i>Untukmu Cinta</i>	90
3.4.4	Kecerdasan Kolektif dalam Proses Kreatif Keterlibatan Novel <i>Untukmu Cinta</i>	93
3.4.4 (a)	Perbincangan Mencari Identiti Watak Datuk Ir Arman.....	94
3.5	Personaliti dan Kepengarangan Rosliza Abu Bakar.....	99

3.6	Proses Kreatif Keterlibatan Novel <i>Hatimu Milikku</i>	100
3.6.1	Idea Pengarang dan Pembaca.....	101
3.6.2	Budaya Keterlibatan dalam Proses Kreatif Novel <i>Hatimu Milikku</i>	102
3.6.2 (a)	Interaksi Antara Rose Eliza dengan Pembaca....	103
3.6.2 (b)	Pembaca Sebagai Agen Penyebar.....	104
3.6.2 (c)	Peranan Butang Perkongsian.....	105
3.6.3	Penumpuan Media dalam Proses Kreatif Novel <i>Hatimu Milikku</i>	106
3.6.4	Kecerdasan Kolektif dalam Proses Kreatif Novel <i>Hatimu Milikku</i>	108
3.6.4 (a)	Watak Utama Lelaki (Hero).....	109
3.6.4 (b)	Perbincangan Mengenai Jalan Cerita.....	112
3.6.4 (c)	Menentukan Hala Tuju Novel Secara Kolektif...115	
3.7	Proses Kreatif Keterlibatan Novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	119
3.7.1	Ilham Sebuah Lirik Lagu dalam <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	120
3.7.2	Budaya Keterlibatan dalam Novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	121
3.7.3	Kecerdasan Kolektif dalam Novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	123
3.7.3 (a)	Kritikan Logik Terhadap Pengarang.....	125
3.8	Kesimpulan.....	130
BAB 4	PROSES KREATIF KETERLIBATAN DAN PEMASARAN DALAM TALIAN KE ATAS NOVEL-NOVEL KAJIAN.....	134
4.1	Pengenalan.....	134
4.2	Pemasaran dalam Talian dan Proses Kreatif Keterlibatan.....	134
4.2.1	Faedah dalam Pemasaran.....	136
4.2.2	Fungsi Pengarang dan Pembaca dalam Konteks Pemasaran Ketika Proses Kreatif Keterlibatan Berlangsung.....	139

4.3	Aspek dalam Pemasaran dan Hubungannya dengan Prinsip-Prinsip Proses Kreatif Keterlibatan.....	141
4.4	Proses Kreatif Keterlibatan Membina Jenama Penulis dengan Segera..	144
4.5	Hubungan Peringkat Antara Proses Kreatif Keterlibatan dengan Proses Pembangunan Produk Baharu.....	147
4.5.1	Hubungan Peringkat Persediaan dalam PKK dengan Peringkat Penjanaaan Idea dalam PPPB.....	148
4.5.2	Hubungan Peringkat Pengeraman dalam PKK dengan Peringkat Penapisan dalam PPPB.....	149
4.5.3	Hubungan Peringkat Pencerahan dalam PKK dengan Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pembangunan Konsep dalam PPPB.....	150
4.5.4	Hubungan Peringkat Pengesahan dalam PKK dengan Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep dalam PPPB.....	151
4.6	Peringkat Komersial dalam Pemasaran Novel Popular Melayu.....	152
4.7	Proses Kreatif Keterlibatan dan Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>13 Jam A380</i> Karya Evelyn Rose.....	152
4.7.1	Peringkat Penjanaaan Idea dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>13 Jam A380</i>	153
4.7.2	Peringkat Penapisan dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>13 Jam A380</i>	154
4.7.3	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pembangunan Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>13 Jam A380</i>	155
4.7.4	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>13 Jam A380</i>	156
4.7.4 (a)	Blog Peribadi <i>Fairy Tales From Evelyn</i> Sebagai Saluran Agihan Pengujian Konsep Prototaip Novel <i>13 Jam A380</i>	157
4.7.4 (b)	Menyediakan Nilai Tambah Prototaip Novel <i>13 Jam A380</i> pada Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep Melalui Prinsip Penumpuan Media.....	158

4.7.4 (c)	Nilai Pulangan dalam Budaya Keterlibatan pada Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep Novel <i>13 Jam A380</i>	162
4.7.4 (d)	Kecerdasan Kolektif Mengubah Sebuah Cerpen Kepada Novel <i>13 Jam A380</i>	164
4.7.5	Peringkat Komersial Novel <i>13 Jam A380</i>	167
4.8	Proses Kreatif Keterlibatan dan Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Untukmu Cinta</i> Karya Dr Evelyn Rose.....	170
4.8.1	Peringkat Penjanaan Idea dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel Popular Melayu <i>Untukmu Cinta</i>	171
4.8.2	Peringkat Penapisan dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel Popular <i>Untukmu Cinta</i>	172
4.8.3	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pembangunan Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Untukmu Cinta</i>	173
4.8.4	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Untukmu Cinta</i>	174
4.8.4 (a)	Komuniti Internet untuk Pembaca dan Penulis <i>Wattpad</i> Sebagai Saluran Agihan Pengujian Konsep Draf Novel <i>Untukmu Cinta</i>	176
4.8.4 (b)	Menyediakan Nilai Tambah Kepada Konsep Produk Novel <i>Untukmu Cinta</i> Pada Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep Melalui Prinsip Penumpuan Media.....	177
4.8.4 (c)	Nilai Pelanggan dalam Prinsip Budaya Keterlibatan pada Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep.....	178
4.8.4 (d)	Prapesan <i>Untukmu Cinta</i> pada Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep.....	180
4.8.5	Peringkat Komersial Novel <i>Untukmu Cinta</i>	182
4.9	Proses Kreatif Keterlibatan dan Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Hatimu Milikku</i> Karya Eliza Ab.....	183

4.9.1	Peringkat Penjanaan Idea dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel Popular <i>Hatimu Milikku</i>	184
4.9.2	Peringkat Penapisan dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel Popular <i>Hatimu Milikku</i>	185
4.9.3	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pembangunan Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Hatimu Milikku</i>	187
4.9.4	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Hatimu Milikku</i>	188
4.9.4 (a)	Blog Peribadi <i>Bila Kata Hati Menulis</i> Sebagai Saluran Agihan dalam Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep Prototaip <i>Hatimu Milikku</i>	189
4.9.4 (b)	Nilai Pulangan dalam Budaya Keterlibatan pada Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep Novel <i>Hatimu Milikku</i>	190
4.9.4 (c)	Menentukan Hala Tuju Novel Secara Kolektif...	193
4.9.5	Peringkat Komersial Novel <i>Hatimu Milikku</i>	197
4.10	Proses Kreatif Keterlibatan dan Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i> Karya Rose Eliza.....	200
4.10.1	Peringkat Idea dalam Proses Pembangunan Produk Baharu <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	201
4.10.2	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pembangunan Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	202
4.10.3	Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep dalam Proses Pembangunan Produk Baharu Novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	204
4.10.3 (a)	<i>Blog Peribadi Bila Kata Hati Menulis</i> Sebagai Saluran Agihan dalam Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i> ...	204
4.10.3 (b)	Nilai Pulangan dalam Budaya Keterlibatan pada Subperingkat Pengembangan Konsep dan Pengujian iaitu Pengujian Konsep <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	205

4.10.4	Peringkat Komersial Novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	208
4.11	Kesimpulan.....	212
BAB 5	RUMUSAN DAN KESIMPULAN.....	213
5.1	Pengenalan.....	213
5.2	Dapatan dan Penemuan Kajian.....	213
5.2.1	Pengarang Terpilih Menjalankan Kegiatan Proses Kreatif Keterlibatan dalam Novel Popular Melayu.....	214
5.2.1 (a)	Budaya Keterlibatan.....	214
5.2.1 (b)	Penumpuan Media.....	217
5.2.1 (c)	Kecerdasan Kolektif.....	219
5.2.2	Kaitan Antara Proses Kreatif Keterlibatan dengan Pemasaran Dalam Talian.....	220
5.2.2 (a)	Persamaan Antara Peringkat.....	220
5.2.2(a)(i)	Prinsip Penumpuan Media dalam Pemasaran dalam Talian.....	222
5.2.2(a)(ii)	Prinsip Budaya Keterlibatan dalam Pemasaran dalam Talian.....	223
5.2.2(a)(iii)	Prinsip Kecerdasan Kolektif dalam Pemasaran dalam Talian.....	224
5.3	Penulis Sebagai Pendidik.....	225
5.4	Sterotaip Novel Popular Melayu.....	226
5.4.1	Cinta Tiga Segi.....	226
5.4.2	Takdir Penentu Jodoh.....	226
5.4.3	Wanita Pujaan Lelaki.....	227
5.5	Cadangan Kajian.....	227
	BIBLIOGRAFI.....	230
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Peringkat-peringkat proses kreatif keterlibatan	58
Rajah 2.2	Hubungan antara peringkat proses kreatif keterlibatan dengan peringkat proses pembangunan produk baharu.....	63
Rajah 4.1	Nisbah nilai dalam pemasaran yang diperkenalkan oleh Philip Kotler.....	137
Rajah 4.2	Kaedah penawaran nilai unggul kepada pembaca	138
Rajah 4.3	Hubungan peringkat-peringkat proses kreatif keterlibatan dengan proses pembangunan produk baharu.....	148
Rajah 4.4	<i>Wattpad</i> menjadi saluran agihan antara pengarang dengan pembaca.....	176

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1	Interaksi antara pembaca dengan pengarang Evelyn Rose dalam entri bertajuk “13 Jam A380 Part 2”	71
Jadual 3.2	Respons daripada pembaca yang bersifat pasif dan aktif dalam <i>13 Jam A380</i>	77
Jadual 3.3	Interaksi antara pembaca dengan pengarang Dr Evelyn Rose dalam bab entri bertajuk “Untukmu Cinta: Bab 1”	88
Jadual 3.4	Respons daripada pembaca yang bersifat pasif dan aktif dalam entri <i>Untukmu Cinta</i>	93
Jadual 3.5	Interaksi Rose Eliza bersama Pembaca.....	104
Jadual 3.6	Respons daripada pembaca yang bersifat pasif dan aktif dalam entri <i>Hatimu Milikku</i>	108
Jadual 3.7	Respons daripada pembaca yang bersifat pasif dan aktif berkaitan entri <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i>	124
Jadual 4.1	Senarai entri yang disertakan bersama dengan media lain selain teks mengikut jenis media dalam prototaip novel <i>13 Jam A380</i>	159
Jadual 4.2	Senarai keterlibatan pembaca mengikut bab ketika proses pemasaran novel <i>13 Jam A380</i> berlangsung	163
Jadual 4.3	Senarai media jenis foto mengikut bab ketika proses pembangunan produk baharu novel <i>Untukmu Cinta</i> berlangsung	177
Jadual 4.4	Senarai keterlibatan pembaca mengikut bab ketika proses pembangunan produk baharu novel <i>Untukmu Cinta</i> berlangsung...	179
Jadual 4.5	Senarai keterlibatan pembaca mengikut bab ketika proses pemasaran novel <i>Hatimu Milikku</i> berlangsung	191
Jadual 4.6	Senarai keterlibatan pembaca mengikut bab ketika proses pemasaran novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i> berlangsung	206

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Gambar 1.1	Penulis novel popular Melayu pilihan iaitu Wan Iman Wan Mohd Nazi dan Rosliza Abu Bakar	6
Gambar 1.2	Novel popular Melayu <i>13 Jam A380</i> dan <i>Untukmu Cinta</i> karya Wan Iman Wan Mohd Nazi	10
Gambar 1.3	Novel popular Melayu <i>Hatimu Milikku</i> dan <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i> karya Rosliza Abu Bakar.....	12
Gambar 3.1	Ruangan Komen yang disediakan oleh Evelyn Rose dalam setiap entri yang berkaitan dengan <i>Novel 13 Jam A380</i>	70
Gambar 3.2	Pilihan butang perkongsian yang boleh dibuat oleh pembaca yang telah disediakan oleh pengarang Evelyn Rose.....	72
Gambar 3.3	Gambaran kabin kelas pertama pesawat Air Bus A380 yang dilampirkan bersama dalam pemasukan bertajuk “Buah Tangan!”...	74
Gambar 3.4	Klip video bertajuk <i>Vanila Twilight</i> daripada kumpulan Owl City yang dimuat naik bersama entri bertajuk “13 Jam A340 Part 10”	75
Gambar 3.5	Pilihan butang perkongsian entri berkenaan <i>Untukmu Cinta</i> yang disediakan oleh pengarang Dr Evelyn Rose.....	89
Gambar 3.6	Perkongsian berkenaan <i>Untukmu Cinta</i> yang dilakukan oleh pengguna Facebook Lana Alanna	89
Gambar 3.7	Foto menggambarkan sekumpulan masyarakat sedang berdemonstrasi membantah pembinaan empangan.....	91
Gambar 3.8	Foto Remy Ishak bagi menggambarkan watak Datuk Ir Arman.....	92
Gambar 3.9	Pelakon Zul Ariffin yang dikaitkan dengan gambaran watak Datuk Ir Arman	97
Gambar 3.10	Ruangan komen yang disediakan oleh Rose Eliza.....	103
Gambar 3.11	Butang perkongsian yang disediakan oleh Rose Eliza.....	105

Gambar 3.12	Pesanan Eliza AB kepada pembacanya menerusi entri “Hatimu Milikku – Bab 15”.....	113
Gambar 3.13	Ruangan komen yang disediakan oleh Rose Eliza.....	122
Gambar 4.1	Media jenis foto yang disertakan bersama dalam entri bertajuk “Buah Tangan!”	161
Gambar 4.2	Hebahan prapesanan novel <i>Untukmu Cinta</i> pada entri “Untukmu Cinta Bab 21”	181
Gambar 4.3	Hebahan prapesanan novel <i>Untukmu Cinta</i>	182

SENARAI CARTA

Muka Surat

Carta 4.1	Peraturan mengikut jenis media yang digunakan dalam proses kreatif keterlibatan <i>13 Jam A380</i> 160
Carta 4.2	Pecahan peraturan kadar kesukaan yang diberikan oleh pembaca dalam <i>Goodreads</i> terhadap novel <i>13 Jam A380</i> 168
Carta 4.3	Pecahan kadar kesukaan yang diberikan oleh pembaca terhadap novel <i>13 Jam A380</i> dalam laman sesawang katalog buku dalam talian <i>Goodreads</i> 168
Carta 4.4	Unjuran graf menunjukkan keterlibatan pembaca dalam proses pembangunan produk baharu <i>Untukmu Cinta</i> 179
Carta 4.5	Unjuran graf menunjukkan keterlibatan pembaca dalam proses pembangunan produk baharu <i>Hatimu Milikku</i> 192
Carta 4.6	Carta menunjukkan pecahan kadar kesukaan yang diberikan oleh pembaca terhadap novel <i>Hatimu Milikku</i> dalam <i>Goodreads</i> 198
Carta 4.7	Pecahan kadar kesukaan yang diberikan oleh pembaca terhadap novel <i>Hatimu Milikku</i> dalam laman sesawang katalog buku dalam talian <i>Goodreads</i> 199
Carta 4.8	Unjuran graf menunjukkan keterlibatan pembaca dalam proses pembangunan produk baharu <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i> 207
Carta 4.9	Carta menunjukkan pecahan kadar kesukaan yang diberikan oleh pembaca terhadap novel <i>Dulu Benci Sekarang Suka</i> dalam <i>Goodreads</i> 209
Carta 4.10	Pecahan kadar kesukaan yang diberikan oleh pembaca terhadap novel <i>Dahulu Benci Sekarang Suka</i> dalam laman sesawang katalog buku dalam talian <i>Goodreads</i> 210

SENARAI KOMEN

Muka Surat

Komen 3.1	Komen Emmyline Rotop yang terhadap entri bertajuk “Buah Tangan!”.....	80
Komen 3.2	Ruangan komen yang disediakan oleh Dr Evelyn Rose dalam setiap bab yang berkaitan dengan novel <i>Untukmu Cinta</i>	87
Komen 3.3	Komen pembaca bernama Nazmiraz berkenaan gambaran watak Datuk Ir Arman	95
Komen 3.4	Komen pembaca bernama SabraSatila berkenaan gambaran watak Datuk Ir Arman	96
Komen 3.5	Respons Dr Evelyn Rose terhadap komen pembaca bernama SabraSatila.....	98
Komen 3.6	Pendirian pembaca bernama SabraSatila tentang watak Datuk Ir Arman.....	98
Komen 3.7	Komen pembaca bernama Hanim69	104
Komen 3.8	Komen pembaca bernama nadiyah_abdillah.....	114
Komen 3.9	Komen pembaca bernama Aida	114
Komen 3.10	Komen pembaca bernama nadiyah_abdillah terhadap soalan Eliza AB	116
Komen 3.11	Komen pembaca bernama shuhada terhadap pertanyaan Eliza AB.	116
Komen 3.12	Komen pembaca bernama Aida terhadap pertanyaan Eliza AB	117
Komen 3.13	Komen dari pembaca Aida.....	126
Komen 3.14	Interaksi antara pembaca bernama Hanim69 dengan pengarang.....	127
Komen 4.1	Komen pembaca bernama nadiyah_abdillah terhadap soalan Eliza AB	194
Komen 4.2	Komen pembaca bernama shuhada terhadap kenyataan Eliza AB ..	194
Komen 4.3	Komen pembaca bernama Aida terhadap kenyataan Eliza AB	195

SENARAI LAMPIRAN

Muka Surat

Lampiran A	Temu Bual Separa Struktur dengan Novel Popular Melayu: Wan Iman Wan Mohd Nazi.....	235
Lampiran B	Temu Bual Separa Struktur dengan Novel Popular Melayu: Rosliza Abu Bakar	238
Lampiran C	Penyelidik Bersama Pengarang Wan Iman Wan Mohd Nazi di Batu Feringgi, Pulau Pinang pada 18 Ogos 2016	240
Lampiran D	Pengarang Sedang Menemuramah Pengarang Wan Iman Wan Mohd Nazi di Restoran Danish Briani House, Batu Feringgi, Pulau Pinang pada 18 Ogos 2016.....	241
Lampiran E	Penyelidik Bersama Pengarang Rosliza Abu Bakar di Restoran Sri Jeh-Ubong, Bandar Baru Klang, Selangor pada 3 Mac 2016	242
Lampiran F	Penyelidik Merasai Kemeriahan Suasana Reruai Karyaseni dan Penulisan2u di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra.....	243
Lampiran G	Antara Trofi dan Piala Milik Karyaseni yang Dipamerkan Kepada Pengunjung di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra.....	244

**HUBUNGAN PROSES KREATIF KETERLIBATAN
DENGAN PEMASARAN DALAM TALIAN: SATU KAJIAN
NOVEL-NOVEL POPULAR MELAYU**

ABSTRAK

Perkembangan teknologi digital telah mempengaruhi semua aspek dalam kehidupan manusia. Bidang kesusasteraan juga tidak terkecuali daripada menerima kesan ledakan perkembangan bidang ini sehingga mengubah proses penciptaan karya kesusasteraan. Namun begitu, tidak banyak kajian yang dijalankan oleh sarjana berkenaan penulisan gaya baharu novel popular Melayu yang berpunca daripada perkembangan bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Kajian ini mengkaji penggunaan teknologi digital oleh dua orang pengarang novel popular Melayu iaitu Wan Iman Wan Mohd Nazi dan Rosliza Abu Bakar. Selain itu, tesis ini juga mengenal pasti hubungan antara proses kreatif keterlibatan oleh pengarang-pengarang tersebut dengan menggunakan teori proses pembangunan produk baharu dalam konteks pemasaran dalam talian. Tiga kaedah kajian telah digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah kepustakaan, temu bual dan carian Internet. Hasil daripada kajian mendapati bahawa proses kreatif keterlibatan yang digunakan oleh Wan Iman Wan Mohd Nazi dan Rosliza Abu bakar dalam penghasilan novel-novel mereka merupakan satu bentuk pemasaran dalam talian yang bertepatan dengan proses pembangunan produk baharu dalam pemasaran moden. Secara umumnya, kegiatan mengarang karya kesusasteraan kini tidak harus dikaji dari aspek kesusasteraannya sahaja, namun perlu mencakupi semua aspek seperti penggunaan media digital, pemasaran dan penjualan naskhah sastera dalam mendepani cabaran masa hadapan.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN PARTICIPATORY
CREATIVE PROCESS AND ONLINE MARKETING:
A STUDY ON POPULAR MALAY NOVELS**

ABSTRACT

The development of digital technology has influenced people's life in all aspects. The field of literature is also no exception from being affected by the explosive growth of digital technology which changes the creation process of literary works. However, there are not many studies conducted by scholars regarding new writing styles in popular Malay novels which were influenced by the development of information and communication technology. This study studies the usage of digital technology by two popular Malay novel authors; Wan Iman Wan Mohd Nazi and Rosliza Abu Bakar. Besides that, this thesis also aims to identify the relationship between participatory creative process by the authors and using new product development process theory in the context of online marketing. The three methods used in this research are library, interview and Internet search method. The result of this study shows that the participatory creative process used by Wan Iman Wan Mohd Nazi and Rosliza Abu Bakar in the creation of their novels is a form of online marketing which fulfils the new product development process in modern marketing. In general, the creation of literary works today should not only be studied based on the literature aspect but also encompass all aspects such as the use of digital media, marketing and sales of literary copies in facing future challenges.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian tentang proses kreatif karya kesusasteraan telah menarik perhatian para pemerhati dan pengkaji kesusasteraan semenjak dari dahulu lagi. Proses kreatif ini telah dibincangkan dan pendapat daripada pelbagai sarjana telah diberikan. Sejarah perbincangan tentang proses penulisan karya kreatif bertitik tolak daripada pandangan Plato yang memperkenalkan konsep imitasi (*mimesis*) dalam bukunya yang bertajuk *Republic* (375 SM). Dalam buku tersebut, beliau menjelaskan bahawa kenyataan merupakan suatu bentuk yang ideal, wujud, dan mutlak di samping seni telah menjadi tiruan daripada benda-benda yang dibuat oleh manusia, ialah tiruan di atas tiruan. Banyak teori-teori berkenaan dengan proses penciptaan karya kreatif telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana barat seperti psikoanalisis oleh Freud, neo-psikoanalisis oleh Jacques Lacan, rekonstruksi oleh Jacques Derrida dan semiotik oleh Julia Kristeva (Muhammad Nur Saiful Ghazali & Sohaimi Abdul Aziz, 2018: 102).

Kelahiran penulis-penulis mapan seperti Usman Awang, A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad dengan karya mereka yang malar segar telah mencetuskan perbincangan dan kajian tentang proses penulisan kreatif di Malaysia (Muhammad Nur Saiful Ghazali & Sohaimi Abdul Aziz, 2018: 102). Antara buku yang kerap menjadi rujukan dalam memahami proses kreatif pengarang Melayu ialah *Jambak 1: Proses Kreatif Pengarang Melayu* (1993) dan *Jambak 2: Proses Kreatif Pengarang Melayu* (1993) selenggaraaan Ahmad Kamal Abdullah serta *Jambak 3: Proses Kreatif Pengarang Melayu* (1995) selenggaraaan Ahmad Kamal Abdullah bersama Zaiton

Ajamain (Muhammad Nur Saiful Ghazali & Sohaimi Abdul Aziz, 2018: 70). Ketokohan mereka dalam bidang penulisan kreatif di samping memiliki ciri-ciri khas yang tersendiri dalam menulis karya kreatif telah menyebabkan kajian khalayak berminat untuk mengetahui proses kreatif yang telah dilalui oleh pengarang-pengarang tersebut. Hal ini demikian kerana, setiap karya kesusasteraan yang berjaya, mempunyai ciri-ciri khasnya yang tersendiri. Ciri-ciri tersebut bermula daripada cara atau gaya pengarang memproses ciptaannya sejak tercetus idea awal sehinggalah selesai proses penulisan. Bersandarkan kepada faktor tersebut, tergeraklah usaha para sarjana dalam bidang kesusasteraan untuk mengkaji proses kreatif karya kesusasteraan di samping memenuhi kehendak masyarakat yang berminat hendak mengetahui proses penulisan karya kreatif seperti latar belakang, falsafah, cara mengumpul bahan, catatan, dan teknik menulis yang digunakan oleh barisan pengarang-pengarang mapan. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan kajian terhadap proses kreatif penulis-penulis mapan seperti Azizi Hj Abdullah, Arena Wati, dan Shahnnon Ahmad boleh dijelaskan melalui teori penulisan kreatif konvensional yang bersifat individualistik. Namun, landskap penulisan karya kreatif pada hari ini sudah berubah seiring dengan peredaran zaman yang semakin canggih dan maju. Ramai dalam kalangan penulis muda muncul dengan cara penulisan yang berbeza setelah ledakan teknologi dan komunikasi yang melanda dunia pada ketika ini. Faktor individualisme dalam proses penciptaan karya kesusasteraan terutamanya dalam budaya media baru telah dicabar oleh keterlibatan pembaca dalam penulisan novel Melayu popular (Sohaimi Abdul Aziz, 2010: 61).

Kini, muncul barisan pengarang novel popular Melayu yang mempunyai cara proses kreatif yang berbeza daripada cara proses kreatif konvensional. Barisan pengarang yang baharu ini cenderung untuk melakukan proses kreatif dengan melibatkan pembaca. Kecenderungan ini berlaku disebabkan adanya media digital.

Melalui media digital seperti laman sesawang, media sosial, forum atas talian dan laman blog, pengarang akan bersama-sama dengan pembaca mencipta novel berkenaan. Perkembangan ini sangat menarik. Bukan itu sahaja, teknik pemasaran novel-novel popular Melayu turut terkesan dengan perkembangan media digital ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Di Malaysia, terdapat banyak kajian berkenaan proses kreatif konvensional berbanding dengan proses kreatif keterlibatan. Proses penulisan kreatif secara konvensional bermaksud kaedah menulis novel secara individu tanpa keterlibatan secara langsung daripada pihak lain seperti pembaca. Antara kajian berkenaan proses kreatif konvensional ialah *Tip & Motivasi Penulisan Genre Cerpen* (2002) oleh Othman Puteh, *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera* (1996) karya Hizairi Othman dan *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif: Teori dan Proses* (2003) karya Fatimah Busu. Berbeza dengan proses kreatif keterlibatan, pengarang novel popular Melayu akan melalui proses mengarang karya sastera secara dalam talian dan melibatkan pembaca secara langsung ketika proses kreatif novel popular Melayu sedang dijalankan. Bukan itu sahaja, pengarang novel popular Melayu yang mengaplikasikan proses kreatif keterlibatan juga turut mempromosikan hasil karangan mereka melalui pelbagai pelantar media digital seperti *Facebook*, *Blogger*, *Wattpad* dan *Instagram*. Justeru, kajian lalu yang berkaitan dengan proses kreatif konvensional belum mengkaji berkenaan penggunaan teknologi digital oleh pengarang novel popular Melayu kini. Malah kajian-kajian proses kreatif konvensional juga tidak menghubungkan aspek pemasaran dengan aspek proses kreatif keterlibatan yang telah dijalankan oleh pengarang novel popular Melayu. Oleh itu, kajian berkenaan penggunaan teknologi digital oleh pengarang dan hubungannya dengan pemasaran

novel popular Melayu perlu dikaji supaya dapat membantu penyelidik, pendidik, perancang serta individu atau kelompok lain yang berkepentingan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai dua objektif;

- i) Mengkaji penggunaan teknologi digital oleh dua pengarang novel popular Melayu iaitu Evelyn Rose dan Rose Eliza @ Eliza AB.
- ii) Mengenal pasti hubungan antara proses kreatif keterlibatan oleh pengarang-pengarang tersebut dengan proses pembangunan produk baharu dalam konteks pemasaran dalam talian.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada teori penulisan kreatif serta pemasaran secara dalam talian kerana mampu untuk memberi nafas baharu kepada kajian proses kreatif di Malaysia. Dengan mengaitkan bidang kesusasteraan dan bidang pemasaran, khalayak pengarang terutamanya pengarang karya kesusasteraan dapat mengambil contoh daripada kegiatan yang telah dilakukan oleh pengarang novel popular Melayu dan seterusnya mengaplikasikan proses kreatif keterlibatan ketika menghasilkan karya kreatif. Hal ini dapat menangani masalah kelesuan pemasaran buku kesusasteraan yang dikatakan semakin parah. Pengarang dan khalayak dalam kesusasteraan harus mengubah mentaliti yang sering mendakwa bahawa hanya karya yang berat dan sukar difahami sahaja merupakan karya yang bagus. Namun begitu, apa manfaatnya jika buku-buku ini tidak sampai kepada pembaca dan hanya kaku di atas rak toko-toko buku yang tidak

dibaca dan dibincangkan. Seharusnya, pengarang perlu mengetahui selera pembaca dan mengolah isu-isu yang dikatakan popular seperti isu kahwin paksa, cinta tiga segi dan rogol kepada bentuk kesusasteraan yang lebih berseni dan bermutu tinggi. Jika tidak, pengarang yang bukunya diterbitkan berpuluh-puluh tetapi tidak terjual terpaksa menyalahkan khalayak pembaca yang didakwanya malas membaca buku-buku kesusasteraan bermutu tinggi.

Sejarah telah membuktikan bahawa novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) karya Shanon Ahmad telah mendapat sambutan yang begitu hebat ketika zamannya. Malah, sehingga kini naskhah itu masih diburu oleh pengumpul buku langka dengan harga yang sangat tinggi. Jika contoh itu terlalu lama, lihatlah bagaimana novel *Tombiruo* (1998) karya Ramlee Awang Murshid telah menerima sambutan yang menggalakkan sehingga mempunyai triloginya yang sendiri. Isu yang dibawa oleh Ramlee adalah berkenaan dengan pembalakan dan pencerobohan tanah yang menggugat penduduk setempat. Tinggal pula, teknik dan pendekatan yang diambil oleh pengarang itu ketika menghasilkan novel yang pastinya mahu menjadi buruan pembaca. Oleh yang demikian, kajian ini amat berharap agar pengarang dapat mengaplikasikan proses kreatif keterlibatan ketika menghasilkan karya kreatif supaya karya yang dihasilkan kelak akan menerima sambutan yang menggalakkan daripada pembaca. Sekali gus, dapat meredakan isu kelesuan pemasaran karya-karya kesusasteraan terutamanya yang berbahasa Melayu di Malaysia.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini akan menumpukan kepada beberapa bahagian iaitu pemilihan pengarang, pemilihan bahan kajian dan tempoh bahan kajian. Kajian akan memfokuskan kepada perbincangan terhadap karya yang dihasilkan oleh pengarang novel popular Melayu terpilih yang mengarang secara dalam talian sahaja.

1.5.1 Pemilihan Pengarang

Kajian ini terbatas kepada novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang novel popular Melayu terpilih iaitu Wan Iman Wan Mohd Nazi dan Rosliza Abu Bakar. Kedua-dua pengarang ini dipilih adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang tertentu. Bersesuaian dengan kajian ini, kedua-dua pengarang yang dipilih merupakan pengarang yang menggunakan pelantar media digital sebagai medium untuk berkarya. Bukan itu sahaja, kedua-dua pengarang terpilih merupakan pengarang yang lahir daripada kegiatan mengarang karya kreatif yang berlaku secara dalam talian.



Wan Iman Wan Mohd Nazi



Rosliza Abu Bakar

Gambar 1.1: Penulis novel popular Melayu pilihan iaitu Wan Iman Wan Mohd Nazi dan Rosliza Abu Bakar.

(Sumber: Koleksi Peribadi)

Pengarang Wan Iman Wan Mohd Nazi telah menghasilkan novel pertamanya iaitu *The Wedding Breaker* pada tahun 2012. Malah, novel tersebut merupakan sebuah novel yang terhasil daripada proses kreatif yang berlaku secara dalam talian. Dari sudut yang lain pula, Wan Iman Wan Mohd Nazi telah dipilih dalam kajian ini kerana beliau mempunyai pengikut yang ramai di dalam pelantar media digital. Mengikut data yang terdapat dalam blog *Fairy Tales from Evelyn* milik pengarang Wan Iman Wan Mohd Nazi, blog tersebut telah menerima jumlah kunjungan daripada pelayar Internet sebanyak 3,905,475 kali secara dalam talian (11 Jun 2017)¹.

Bagi pengarang Rosliza Abu Bakar pula, novel beliau yang pertama bertajuk *Hatimu Milikku* juga diterbitkan pada tahun 2012. Novel *Hatimu Milikku* telah melalui proses kreatif yang berlangsung secara dalam talian iaitu melalui blog peribadinya *Bila Kata Hati Menulis*. Data menunjukkan bahawa pengikut bagi blog *Bila Kata Hati Menulis* milik pengarang Rosliza Abu Bakar juga mencecah angka jutaan pengikut. Blog tersebut telah menerima jumlah kunjungan pelayar Internet sebanyak 1,840,218 kali secara dalam talian (11 Jun 2017)². Jumlah ini menjadi antara sebab pengarang ini dipilih untuk dikaji karyanya. Catatan jumlah ini membuktikan bahawa pelantar media milik kedua-dua orang pengarang novel popular Melayu ini telah melepasi angka satu juta kunjungan pengunjung secara dalam talian. Jumlah ini merupakan satu angka yang dapat menjadi taruhan kepada petanda keprolifikan pengarang-pengarang novel popular Melayu yang telah dipilih.

Selain itu, kedua-dua pengarang yang dipilih juga mempunyai reputasi yang baik dalam industri penerbitan novel popular Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui penganugerahan dan pencapaian yang diterima oleh kedua-dua pengarang yang telah

¹ <https://fairytalesfromevelyn.blogspot.com/>

² <http://teratai2201.blogspot.com/>

dipilih. Sebagai contoh, Wan Iman Wan Mohd Nazi pernah dinobatkan Anugerah Novelis Terbaik di Anugerah Buku Negara 2014. Walaupun beliau hanya menghasilkan dua buah novel pada ketika itu, namun bilangan jumlah penerbitan yang kecil tersebut tidak menghalangnya untuk memperoleh kejayaan yang gemilang. Begitu juga dengan Rosliza Abu Bakar. Walaupun beliau tidak pernah menerima sebarang anugerah, namun Rosliza merupakan seorang pengarang yang prolifik. Setakat tahun 2017, Rosliza Abu Bakar telah menghasilkan 12 buah novel³ yang melalui proses kreatif secara dalam talian. Pencapaian yang ini merupakan sesuatu yang luar biasa bagi pengarang seperti Rosliza yang baru berkecimpung dalam dunia penulisan novel popular selama lima tahun.

1.5.2 Pemilihan Bahan Kajian

Dalam kajian ini, sebanyak empat buah novel popular Melayu telah dipilih untuk dijadikan bahan kajian. Dua buah novel iaitu *13 Jam A380* (2013) dan *Untukmu Cinta* (2020) merupakan karya Wan Iman Wan Mohd Nazi. Manakala dua buah lagi novel iaitu *Hatimu Milikku* (2012) dan *Dulu Benci Sekarang Suka* (2013) merupakan karya Rosliza Abu Bakar. Kedua-dua pengarang yang dipilih ini merupakan pengarang novel popular Melayu yang terkenal dalam kalangan peminat novel popular Melayu. Karya kedua-dua pengarang ini dipilih kerana menggunakan pelantar media digital seperti blog dan media sosial dalam proses penulisan novel popular Melayu.

³ *Hatimu Milikku* (2012), *Gurauan Berkasih* (2012), *Dulu Benci Sekarang Suka* (2013), *Mr. Fussy or Mr. Cool?* (2014), *Sayang Awak Mr. Bear* (2014), *Seandainya Tuhan Mengizinkan* (2015), *My Dream Husband* (2015), *P.A Lelaki 'Kerek'* (2015), *Luahan Hati* (2016), *Terus Mencintaimu* (2017), *Calon Suami Buat Novelis* (2018), *Hate or Love You* (2020).

1.5.2 (a) *13 Jam A380*


13 Jam A380 merupakan novel kedua Wan Iman Wan Mohd Nazi dengan nama pena Evelyn Rose yang juga diterbitkan oleh Penerbitan Karyaseni Sdn Bhd pada Ogos 2013. Novel ini dipilih sebagai bahan kajian disebabkan oleh kegiatan mengarangnya yang juga melalui proses kreatif secara dalam talian. Proses kreatif secara dalam talian novel *13 Jam A380* telah berlaku dalam tempoh antara 12 September 2012 sehingga 10 April 2013 melibatkan 27 entri secara keseluruhannya. Novel ini telah terinspirasi oleh Evelyn Rose ketika beliau sedang mencari tiket kapal terbang di dalam internet untuk ke London bagi tujuan melanjutkan pengajiannya pada peringkat sarjana kedoktoran. Lanjutan daripada itu, beliau telah menulis beberapa entri berkaitan fantasinya itu dan memuat naik ke dalam blog miliknya iaitu *Fairy Tales From Evelyn* bagi mendapatkan pandangan daripada pembaca.

1.5.2 (b) *Untukmu Cinta*

Novel *Untukmu Cinta* merupakan novel keempat Wan Iman Wan Mohd Nazi dengan nama pena Dr Evelyn Rose. Novel ini telah diterbitkan pada bulan Februari 2020 oleh syarikat penerbitan Spellbinder. Novel ini dipilih sebagai bahan kajian disebabkan kegiatan mengarangnya melibatkan penggunaan media digital selama sebulan yang melibatkan 21 entri daripada keseluruhan 87 bab novel bercetak. Novel ini telah membawa isu alam sekitar, hutan dan herba Malaysia. Hal ini demikian kerana, pada pandangan Wan Iman Wan Mohd Nazi tidak ramai yang prihatin berkenaan kesan persekitaran akibat daripada pembinaan empangan. Lanjutan daripada itu, beliau telah mengarang novel *Untukmu Cinta* dan memuat naik sebahagian awal bab novel tersebut ke dalam pelantar media digitalnya.



Untukmu Cinta



13 Jam A380

Gambar 1.2: Novel popular Melayu *13 Jam A380* dan *Untukmu Cinta* karya Wan Iman Wan Mohd Nazi.

(Sumber: Koleksi Peribadi)


1.5.2 (c) *Hatimu Milikku*

Novel popular Melayu *Hatimu Milikku* merupakan hasil nukilan Rosliza Abu Bakar atau nama penanya Eliza Ab. Novel tersebut telah diterbitkan oleh Kaki Novel Enterprise pada bulan Jun 2012. Novel setebal 1065 muka surat itu merupakan novel pertama pengarang Rosliza Abu Bakar. Pemilihan *Hatimu Milikku* sebagai bahan kajian adalah disebabkan oleh faktor proses kreatifnya telah melalui peringkat-peringkat mengarang secara dalam talian antara tempoh 19 November 2011 sehingga 23 Disember 2011. Sebagai seorang pengarang baharu pada ketika itu, idea mengarang *Hatimu Milikku* telah diinspirasi pengarang apabila menonton drama bersiri Nora Elena yang telah ditayangkan di dalam saluran televisyen TV3. Setelah itu, Eliza Ab telah menguji kemampuan draf manuskrip *Hatimu Milikku* di dalam pelantar blog miliknya iaitu *Bila Kata Hati Menulis*. Kemampuan novel pertama karangan Eliza Ab

yang telah melalui proses kreatif secara dalam talian untuk menarik perhatian penerbit dan pembaca telah menjadi faktor lain mengapa *Hatimu Milikku* dipilih sebagai bahan kajian dalam tesis ini.

1.5.2 (d) *Dulu Benci Sekarang Suka*

Dulu Benci Sekarang Suka merupakan novel popular Melayu ketiga karya Rosliza Abu Bakar atau nama penanya bagi novel ini iaitu Rose Eliza. Novel ini telah diterbitkan oleh Buku Prima (sebuah entiti di bawah penerbit Grup Buku Karangkaf Sdn Bhd) dengan ketebalan 736 muka surat. *Dulu Benci Sekarang Suka* telah melalui proses kreatif secara dalam talian antara tempoh 7 Mac 2012 sehingga 29 Mac 2012 di dalam blog peribadi Rosliza iaitu *Bila Kata Hati Menulis*. Selain itu, novel *Dulu Benci Sekarang Suka* karya Rosliza Abu Bakar telah menduduki carta 10 novel terlaris terbitan Buku Prima sehingga tahun 2017. Novel yang diterbitkan pada tahun 2013 itu telah memperlihatkan kebolehpasarannya apabila mampu bertahan sehingga kini (2017) sebagai salah satu novel terlaris dalam sebuah label penerbitan novel popular Melayu yang gah seperti Buku Prima. Lebih-lebih lagi apabila proses kreatif novel ini telah melalui kegiatan mengarang secara dalam talian yang juga menjadi tumpuan kajian dalam tesis ini.



Hatimu Milikku



Dulu Benci Sekarang Suka

Gambar 1.3: Novel popular Melayu *Hatimu Milikku* dan *Dulu Benci Sekarang Suka* karya Rosliza Abu Bakar.

(Sumber: Koleksi Peribadi)

1.5.3 Tempoh Bahan Kajian

Karya yang dipilih untuk kajian ini merupakan karya yang dihasilkan dari tahun 2010 sehingga tahun 2020. Hal ini mengambil kira faktor perkembangan bidang teknologi maklumat dan komunikasi di Malaysia. Strategi Pelaksanaan Jalur Lebar Negara atau dikenali sebagai Pelan Jalur Lebar Negara (NBI) adalah strategi yang dapat mengembangkan penggunaan jalur lebar ke seluruh negara. Pada tahun 2007, kerajaan Malaysia telah menetapkan sasaran jalur lebar untuk mencapai 50% kadar penembusan jalur lebar bagi setiap isi rumah pada penghujung tahun 2010⁴. Pada 24 Mac 2010, Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (NBI) telah dilancarkan oleh Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak. Inisiatif ini diperkenalkan bagi memudahkan rakyat kurang berkemampuan untuk mendapatkan kemudahan jalur lebar (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2010: 160).

Dengan pengenalan inisiatif jalur lebar ini, secara tidak langsung ia juga turut mengakibatkan berlakunya perubahan dalam kegiatan mengarang karya kreatif.

⁴ <http://sppd.skmm.gov.my/Sectors/Broadband/National-Broadband-Initiative.aspx?lang=ms-MY>

Situasi ini tampak ketara kepada pengarang-pengarang novel popular Melayu yang sebelum ini menulis secara konvensional kepada kegiatan menulis secara dalam talian. Daripada keempat-empat novel yang dipilih, kesemua novel tersebut telah diterbitkan selepas Pelan Jalur Lebar Negara diperkenalkan. Berikut diperturunkan senarai novel yang dipilih berserta dengan tahun terbitan:

- i) *13 Jam A380* (2013)
- ii) *Untukmu Cinta* (2020)
- iii) *Hatimu Milikku* (2012)
- iv) *Dulu Benci Sekarang Suka* (2013)

Berdasarkan kepada senarai novel dan tahun terbitannya, novel-novel yang dipilih dirasakan amat bersesuaian disebabkan tempohnya berlaku selepas Pelan Jalur Lebar Negara diperkenalkan. Keberkesanan Pelan Jalur Lebar Negara dapat dibuktikan melalui kegiatan menulis novel popular Melayu secara dalam talian dan sambutan yang diterima oleh khalayak.

1.6 Kajian Lepas

Berdasarkan kepada beberapa tinjauan lepas, didapati bahawa sudah banyak kajian dan penulisan yang dibuat berkenaan dengan proses kreatif novel Melayu dan pemasaran buku umum. Namun kajian-kajian tersebut lebih bertumpu kepada proses kreatif dan pemasaran novel popular Melayu secara konvensional. Kajian yang berfokuskan kepada proses menulis dan memasarkan novel popular Melayu dalam budaya media baharu di Malaysia masih belum diperluaskan. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui kajian lepas terhadap sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan proses kreatif dan pemasaran novel popular Melayu.

Othman Puteh dalam sebuah buku yang bertajuk *Tip & Motivasi Penulisan Genre Cerpen* (2002) telah membincangkan tentang proses kreatif. Dalam buku ini, beliau dengan tertibnya menerangkan betapa untuk bergelar seorang penulis, disiplin yang tinggi serta perancangan yang jelas perlu ada dalam diri. Othman Puteh menekankan betapa amalan membaca sangat penting buat seorang penulis kerana dengan membacalah penulis akan mendapat bahan untuk dijadikan cerita. Penulis hebat seperti Stephen King dikatakan akan membaca antara 70-80 buah buku dalam masa setahun terutamanya karya kreatif dan fiksyen. Selain itu, bahan untuk dijadikan cerita juga boleh diperolehi daripada pengalaman sendiri atau orang lain. Othman Puteh dalam bahagian ini menceritakan bagaimana pengalaman beberapa orang Sasterawan Negara seperti Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, dan Arena Wati diterjemahkan dalam bentuk cereka. Shahnnon Ahmad dengan kehidupan masyarakat petani desa terutamanya Kampung Banggul Derdap tempat kelahirannya. Selain itu, Shahnnon Ahmad juga membicarakan tentang keluarganya serta pengalaman ketika menunaikan fardhu haji dan umrah. Pengalaman tersebut boleh dilihat melalui beberapa buah cerpennya seperti “Gelungnya Terpokah”, “Di Tengah Keluarga”, “Bulan Sabit Haji Taha”, dan “Kentut”. Walau bagaimanapun, kajian ini juga masih membincangkan tentang proses kreatif konvensional novel Melayu oleh penulis-penulis mapan tempatan.

Sehubungan dengan itu, sebuah buku bertajuk *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera* (1996) karya Hizairi Othman juga turut mengupas tentang proses kreatif. Perbincangan dalam buku ini berlatar belakangkan kepada isu kreativiti melalui perbandingan antara dua negara iaitu Amerika Syarikat dengan Malaysia. Di Amerika, Graham Wallas menyarankan bahawa terdapat empat peringkat proses kreatif. Empat peringkat ini terdiri daripada (1) persediaan; (2) inkubasi atau

pengeraman; (3) iluminasi; dan (4) varifikasi atau pengesahan. Proses yang diperkatakan oleh Wallas ini masih digunakan sehingga kini. Di Malaysia pula, isu kreativiti giat diperkatakan selari dengan slogan kerajaan seperti Wawasan 2020, Melayu Baru dan keperluan revolusi mental dalam era teknologi maklumat dan komunikasi dan budaya ilmu. Dalam buku ini, Hizairi Othman (1996: 12) mengatakan bahawa, kreativiti merupakan ‘kesanggupan mencipta, daya cipta atau kemampuan untuk mewujudkan suatu kombinasi baharu’. Dalam pada itu, Hizairi (1996: 13) juga mengemukakan pandangan Knelles (1965) tentang definisi kreativiti. Knelles mengatakan bahawa pada tahap (1) kreativiti dilihat sebagai satu set ciri individu; (2) proses daripadanya diperoleh sesuatu hasil; (3) kreativiti dilihat terletak pada proses akhirnya bukan pada orangnya; dan (4) faktor persekitaran dan faktor budaya yang berpengaruh terhadap kegiatan kreatif. Kedua-dua konsep ini seterusnya dikembangkan oleh Hizairi kepada proses yang disebut sebagai proses dalaman (Wallas), dengan proses luaran (Kneless). Seterusnya, Hizairi (1996; 63) telah mengupas tentang proses kreatif penghasilan novel *Hujan Pagi* karya A. Samad Said. Namun begitu, kajian ini masih berlegar dalam suasana penulisan konvensional yang bersifat individu. Walaupun Hizairi (1996:98) menekankan tentang pentingnya ilmu bantu seperti sosiologi dan sains kepada pengarang dalam penghasilan karya kreatif kini, namun perbincangan tentang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses kreatif masih belum dibincangkan biarpun secara permukaan ataupun mendalam.

Dalam pada itu, Fatimah Busu juga telah memperkatakan tentang proses penulisan kreatif dalam bukunya yang bertajuk *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif: Teori dan Proses* (2003). Di dalam buku ini Fatimah Busu (2003: 238) ingin memberikan pandangan kepada bakal penulis kreatif di negara ini supaya lebih cekal

untuk menulis. Hal ini demikian kerana, seorang penulis kreatif pada abad ke-21 tidak semudah menjadi penulis kreatif dalam abad ke-20. Hal ini demikian kerana khalayak kini terdiri daripada golongan cendekiawan yang lebih sofistikated. Hal ini telah menyebabkan persembahan karya kreatif yang bersifat konvensional sudah ketinggalan zaman. Menurut beliau, pengarang kini perlu bereksperimen dengan plot, tema, watak dan perwatakan, persoalan, suasana, latar, dan teknik dalam penghasilkan sesebuah karya. Maka, ciri-ciri yang disebutkan itu bukan lagi berfungsi sebagai sebuah acuan untuk menghasilkan sebuah karya kreatif. Jika ciri-ciri tersebut masih kekal sebagai sebuah acuan, maka hasilnya akan menjadi klise. Oleh itu, Fatimah Busu telah membekalkan kepada khalayak dengan pengetahuan yang berkaitan dengan proses penulisan kreatif seperti bakat, kesempurnaan pancaindera, pengetahuan sampingan (ilmu bantu), sumber bahan dan inspirasi, kaedah penulisan, teknik penulisan keseluruhan, teknik penampilan watak dan perwatakan, gaya stail penyampaian, plot, latar, dan nada dalam karya kreatif. Berbekalkan dengan ciri-ciri tersebut serta contoh yang terdapat dalam karya kreatif terdahulu, bakal pengarang, atau pengarang kini perlu mengeksperimen supaya karya mereka tidak klise. Namun begitu, penulisan ini tidak menyentuh tentang proses penulisan menggunakan media digital serta pemasaran karya kreatif. Hal ini mungkin disebabkan keadaan atau tahap teknologi yang terbatas pada ketika itu.

Selanjutnya, Mawar Safei (2015) dalam buku selenggaraannya *Kreativiti 3 Genre: Kepengarangan 12 Penulis* telah mengumpulkan hasil kepengarangan 12 orang penulis daripada tiga genre iaitu prosa (cerpen dan novel), puisi dan drama. 12 pengarang terpilih di dalam buku ini terdiri daripada Aminah Mokhtar, Faisal Tehrani, Mawar Safei, S.M Zakir, Kamariah Kamarudin, Nisah Haji Haron, Salina Ibrahim, Samsiah Mohd Nor, Zaid Akhtar, Rahimidin Zahari, Shamsudin Othman dan Siti

Jasmina Ibrahim. Setiap bab di dalam buku ini diwakili oleh karya penulis diikuti rencana proses penghasilan karya berkenaan (Mawa Safei, 2015: viii). Sudah tentu kajian ini memfokuskan kepada genre prosa (novel) oleh Salina Ibrahim dan Samsiah Mohd Nor. Salina Ibrahim mencatatkan bahawa kerja mengarangnya boleh diibaratkan kesakitan yang penuh nikmat (Salina Ibrahim, 2015: 129). Salina menambah bahawa mendapat idea dalam menulis menerusi pengalamannya turun ke lapangan (Salina Ibrahim, 2015: 131). Samsiah Mohd Nor pula mengatakan bahawa proses kreatifnya bermula dengan proses inkubasi terlebih dahulu. Samsiah hanya mula merangka cerita apabila watak, latar dan persoalan diadun di dalam mindanya (Samsiah Mohd Nor, 2015: 172). Namun begitu, proses kreatif kedua-dua pengarang novel di dalam buku ini masih menggunakan proses kreatif konvensional dan tidak melibatkan pihak luar seperti pembaca secara langsung.

Dalam pada itu, Ayu Utami dalam bukunya yang bertajuk *Menulis & Berpikir Kreatif Buku Dua: Karya Panjang & Kompleks* (2017) turut menerangkan tentang proses kreatif. Berbeza dengan buku satu (berkenaan cara menulis cerpen), Ayu Utami telah menjelaskan tentang cara menulis novel atau karya panjang melalui pendekatan “spiritualisme kritis” di dalam edisi buku dua ini. Istilah spiritualisme kritis pertama kali muncul dalam sebuah novel Ayu Utami bertajuk *Bilangan Fu* (2008). Novel *Bilangan Fu* berkisarkan dan belatarbelakangkan Indonesia pada zaman reformasi. Melalui pendekatan spiritualisme kritis, Ayu Utami ingin pembaca bersikap beragama dan spiritual tanpa melupakan tentang aspek pemikiran kritis. Malah orang yang berfikiran kritis seperti skeptikal dan ateis pula tidak bersikap atau berfikiran tertutup. Buku ini merupakan sebuah naskhah yang amat bagus dalam menjelaskan teknik proses kreatif penulisan novel era kini. Namun begitu, teknik yang

diketengahkan oleh Ayu Utami masih bersifat eksklusif dan mementingkan ketokohan pengarang sebagai pembawa gagasan di dalam novel.

Sehubungan dengan itu, Rahimah A. Hamid melalui bukunya *Proses Kreatif Sensitiviti dan Kreativiti Pengarang* (2017) telah membincangkan tentang peranan disiplin psikologi dan estetika penghasilan karya kesusasteraan yang menjadi tunjang utama kepada seseorang pengarang dalam merangsang sensitiviti dan kreativiti. Paduan kedua-dua disiplin ini telah melahirkan konsep psikologi – estetik iaitu sebuah sistem yg merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan untuk meneliti sensitiviti dan kreativiti pengarang dalam penghasilan naskhah sastera. Walau bagaimanapun, pendekatan psikologi – estetik yang dibincangkan Rahimah masih menekankan tentang proses penciptaan karya kesusasteraan yang berpusatkan kepada daya usaha dan kreativiti pengarang secara mutlak. Perbincangan buku ini tidak menyentuh peranan media digital kepada pengarang ketika proses kreatif karya kesusasteraan berlangsung.

Selain itu, kajian ini juga meneliti semula *Literature as Exploration* (1983) karangan Louise M. Rosenblatt. Buku ini merupakan bahan yang mendasari pendekatan respons pembaca yang menekankan tentang peranan pembaca sebagai pembina makna yang mustahak dalam proses transaksi antara teks dengan pembaca (Louise Rosenblatt, 1938). Menurut Rosenblatt, apabila pembaca menyedari sifat dinamik transaksi antara teks dengan pembaca, pembaca mungkin memperoleh beberapa kebimbangan yang kritikal mengenai kekuatan atau kelemahan emosi dan keintelektualan (kemampuan menggunakan intelek atau akal budi) untuk mendekati karya kesusasteraan. Tujuan utama pendekatan ini adalah untuk mengetahui corak atau kompleksiti psikologi antara satu pembaca dengan yang lain. Bermakna, pemberian makna terhadap karya kesusasteraan antara satu pembaca dengan satu pembaca yang

lain adalah berbeza sama sekali. Oleh yang demikian, pendekatan respons pembaca mempunyai perbezaan dengan kajian yang ingin dijalankan. Hal ini demikian kerana, proses kreatif keterlibatan tidak memerlukan pembaca untuk membina makna kepada karya. Akan tetapi, melalui proses kreatif keterlibatan, pembaca akan bersama-sama dengan pengarang bekerjasama untuk menghasilkan karya secara dalam talian.

Selain catatan ilmiah, proses kreatif juga turut diperkatakan dalam buku autobiografi. Sasterawan Negara Abdullah Hussain pernah menulis sebuah autobiografi bertajuk *Proses Kreatif: Satu Pengalaman Rohani* (2010). Dalam buku ini Sasterawan Negara Abdullah Hussain telah mencatatkan pengalaman hidupnya yang bermula dari sebuah kampung di Kedah sehingga berhijrah ke kota. Catatan dalam buku ini merupakan catatan kembara seorang Sasterawan Negara yang mula berjinak dengan menulis cerpen dan novel sehingga menjadi cerpenis dan novelis penting di tanah air. Beliau memperlihatkan kepada pembaca akan proses kreatifnya; hubungannya dengan teman-teman dalam kalangan penulis dan editor yang bertugas di sebuah penerbitan digarapkan secara kreatif dan bersahaja. Bermula daripada hobi mendengar datuknya bercerita, kemudian membaca buku-buku cerita dari pejabat Pengarang Karang Mengarang Sultan Idris, Abdullah Hussain mula menulis berita pendek tentang perlawanan bola sepak di sekolah. Bermula dari detik itu, Abdullah Hussain mula mengorak langkahnya sebagai seorang penulis tanpa berpaling belakang lagi. Dalam catatan ini, beliau telah menceritakan tentang proses kreatif 25 buah karyanya yang terdiri daripada cerpen dan novel. Catatan yang menceritakan tentang panjangnya perjalanan hidup dan luasnya pengalaman sebagai seorang pengarang yang dilalui sangat menarik dan berinspirasi untuk dipersembahkan kepada pembaca.

Bagi meneliti kajian tentang pemasaran, naskhah *Marketing Management, Millenium Edition* (2002) karangan Philip Kotler turut menjadi sumber kepada kajian

lepas. Naskhah ini membincangkan dengan tersusun berkenaan pemasaran pada abad ke-21. Kotler menjelaskan berkenaan definisi pemasaran yang dikelaskannya kepada dua iaitu pemasaran daripada pendekatan sosial dan pendekatan pengurusan. Bukan itu sahaja, Kotler juga ada menjelaskan berkenaan dengan konsep major dan alat dalam pemasaran yang sudah memasuki era moden kini. Naskhah ini penting kepada kajian kerana Kotler telah memperkenalkan proses pembangunan produk baharu yang mempunyai persamaan dengan proses kreatif keterlibatan novel popular Melayu. Satu analisis akan dijalankan antara proses pembangunan produk baharu dengan proses kreatif keterlibatan supaya kajian dapat membuktikan bahawa proses kreatif keterlibatan bukan sekadar proses mengarang karya kesusasteraan tetapi juga sebuah proses pemasaran era moden.

Selain daripada buku kajian tentang proses penulisan kreatif, sebuah buku yang mengkaji tentang pemasaran buku bertajuk *Penerbitan dan Pemasaran Buku di Malaysia* (1996) oleh Hamed Mohd Adnan juga turut digunakan sebagai sumber rujukan. Dalam buku ini, Hamed telah membincangkan tentang amalan pemasaran penerbit buku tempatan. Menurut beliau, penerbit buku di Malaysia masih belum mengamalkan konsep pemasaran moden. Hal ini demikian kerana penerbit hanya menumpukan kepada aspek pengeluaran dan penyuntingan berbanding aspek pemasaran. Untuk memasarkan buku pula, lazimnya jurujual penerbit akan mengunjungi sekolah untuk memperkenalkan buku-buku baru, mengedarkan katalog penerbitan, memberi naskah percuma, dan menjanjikan diskaun untuk para pembeli. Namun, kajian ini tidak membincangkan tentang peranan pengarang sebagai agen kepada pemasaran buku. Proses pemasaran dalam kajian ini hanya dibincangkan dari segi usaha yang dilakukan oleh penerbit buku sahaja.

Perbincangan tentang pemasaran juga turut diperkatakan dalam bab dalam buku yang bertajuk “Yang Diulangi dan Yang Berbeza: Imej *Sangeetha* di Internet” karangan Arndt Graf dalam buku *Sangeetha: Dalam Kritikan* (2014: 41-53) oleh Siti Hajar Che Man (pnyt.). Dalam bab ini, Arndt Graf telah mencatatkan bahawa novel *Sangeetha* tidak hanya dipasarkan oleh penerbitnya secara konvensional tetapi Azizi Haji Abdullah turut mempromosikan novel tersebut secara atas talian menerusi laman *blog* yang beralamat <http://aziziabdullah.blogspot.com/>. Namun begitu, Arndt Graf menggunakan kaedah resepsi dalam kajian tersebut dan tidak menjelaskan atau mengkaji penglibatan pembaca dalam penghasilan novel *Sangeetha*. Hal ini yang akan membezakan kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh Arndt Graf terhadap novel *Sangeetha*.

Bagi memahami tentang media digital pula, naskhah bertajuk *Media Digital* (2016) karangan Sharkawi Che Din telah menjadi bahan kajian lepas. Sharkawi dalam buku ini bukan sahaja membincangkan tentang aspek asas pengendalian imej digital malah turut membincangkan juga berkenaan aspek konfigurasi sistem komputer yang bersesuaian secara literal dan ringkas supaya sistem media digital ini dapat difahami. Naskhah ini juga turut menyediakan maklumat asas yang menyeluruh terhadap bidang media digital yang merangkumi bidang grafik berkomputer seperti fotografi digital, animasi digital, ilustrasi digital dan multimedia interaktif. Terma-terma ini akan menjadi rujukan kepada kegiatan yang dijalankan oleh pengarang novel popular Melayu yang menjalankan proses kreatif keterlibatan dalam budaya media digital.

Selain daripada buku, tinjauan yang dilakukan juga mendapati bahawa terdapat tesis-tesis yang ditulis berkaitan dengan proses penulisan kreatif. Antaranya ialah, disertasi Sarjana Sastera (Kesusasteraan), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang bertajuk *Kajian Proses Kreatif Keterlibatan Dalam*

Penulisan Novel Popular (2015), oleh Najihah binti Abdul Ghofur. Dalam kajian ini, beliau telah membincangkan tentang proses kreatif keterlibatan dua pengarang novel popular Melayu iaitu Umie Nadzimah dan Ain Maisara. Kajian Najihah merupakan kajian paling awal yang berwibawa dalam memperkatakan tentang proses kreatif keterlibatan. Sungguhpun demikian, kajian Najihah terhad kepada dua pengarang sahaja dan tidak melibatkan kajian pemasaran novel dalam budaya media digital. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan perluasan kepada kajian yang dilakukan oleh Najihah.

Pengkaji turut melakukan tinjauan terhadap penulisan dalam bentuk esei dan mendapati bahawa terdapat beberapa esei yang ditulis oleh beberapa orang sarjana membincangkan persoalan tentang proses kreatif keterlibatan serta pemasaran karya sastera dalam budaya media digital. Misalnya Sohaimi Abdul Aziz telah menulis sebuah esei yang bertajuk “Challenging the Writer’s Authority: A Study of the Participatory Creative Process of Malay Novelists” pada tahun 2015. Tulisan tersebut telah mengkaji proses kreatif keterlibatan yang dilakukan oleh pengarang-pengarang novel popular Melayu iaitu Ain Maisarah dan Wan Iman Wan Muhd Nazi. Sohaimi juga turut memperkatakan tentang proses kreatif keterlibatan serta konsep budaya penumpuan (*convergence culture*) iaitu penumpuan media, budaya keterlibatan, dan kecerdasan kolektif. Selain itu, kajian ini juga telah meneliti pelantar media digital seperti blog dan laman sesawang pengarang novel popular Melayu untuk membincangkan tentang proses kreatif keterlibatan yang telah mereka lakukan. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak meneliti aspek pemasaran yang berlaku ketika proses kreatif berlangsung secara dalam talian.

Selain daripada itu, terdapat sebuah esei bertajuk “Social Network in marketing (Social Network Marketing): Opportunities and Risks” (2011) oleh Waad Assaad dan

Jorge Marx Gomez diterbitkan oleh *International Journal of Managing Public Sector Information and Communication Technologies* (IJMPICT). Kajian ini menjelaskan tentang terma-terma asas pemasaran media baru seperti pemasaran media sosial dan aplikasi perisian sosial. Kajian ini juga menyatakan bahawa media sosial merupakan pendekatan baru untuk berniaga. Selain itu, dinyatakan juga risiko yang dihadapi jika memasarkan produk melalui laman sosial. Namun begitu, kajian yang dilakukan terlalu umum dan tidak berfokus kepada pemasaran buku terutamanya novel popular Melayu.

Dalam pada itu, kajian ini juga membuat tinjauan terhadap sebuah esei yang bertajuk “Sastera dan Pasaran” (2012), oleh A Amin Jamaluddin merupakan sebuah kertas kerja yang di bentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara VIII (SAKAT VIII). Dalam kertas kerja ini, pengkaji terlebih dahulu menjelaskan kepada pembaca tentang perbezaan bentuk sastera dahulu (bercetak) dan sekarang (sastera siber). Menurut A Amin Jamaluddin, perubahan bentuk sastera kini telah menjadikan proses pemasaran karya sastera menjadi lebih efisien. Dalam pada itu, pengkaji juga ada menyentuh tentang fungsi sastera dalam era teknologi maklumat iaitu mendidik dan menghiburkan. Fungsi klasik tersebut pada pendapat pengkaji perlu dikekalkan walaupun bentuk media sastera sudah berubah. Hal ini demikian kerana, kedua-dua fungsi tersebut sudah menjadi moto kepada sastera sejak dari dahulu lagi. Tambahnya lagi, terdapat beberapa pelantar media digital yang boleh digunakan untuk kegiatan pemasaran buku seperti melakukan kerjasama dengan syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan e-buku seperti Kindle dan Apple. Sungguhpun begitu, kajian ini masih belum menyelesaikan persoalan tentang proses pemasaran novel popular dalam budaya media digital oleh pengarang-pengarang novel popular Melayu melalui proses kreatif keterlibatan.

1.7 Kerangka Teori

Kajian ini mempunyai dua fokus kajian utama iaitu mengkaji penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang digunakan oleh pengarang terpilih ketika proses kreatif dijalankan. Selain itu, kajian ini juga turut menghubungkan antara proses kreatif secara dalam talian dengan proses pemasaran secara dalam talian novel popular Melayu. Beberapa definisi seperti terma novel budaya popular dan proses kreatif konvensional novel popular Melayu juga turut akan dibincangkan dalam bahagian ini.

Kajian ini akan bertitik tolak daripada teori proses kreatif keterlibatan yang diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz (2015) dalam “Challenging The Writer’s Authority: A study of the participatory creative process of the Malay novelist”. Kerangka teori ini akan didahului oleh definisi proses kreatif keterlibatan seterusnya diikuti oleh penjelasan mengenai ciri-cirinya. Teori ini juga akan menjelaskan peranan tiga pihak dalam proses penciptaan novel popular melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Tiga pihak yang terlibat dalam proses ini terdiri daripada pengarang, pembaca dan media digital.

Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan teori pemasaran yang dikemukakan oleh Philip Kotler (2002) dalam bukunya yang bertajuk *Marketing Management, Millenium Edition*. Kerangka teori pemasaran ini bermula dengan definisi pemasaran diikuti konsep-konsepnya. Dalam pada itu, kajian ini juga akan menyatakan dengan tertib peringkat-peringkat proses pembangunan produk baharu dalam bidang pemasaran yang ada hubungannya dengan proses kreatif keterlibatan.